

27 OCT 1998

Mahathir-Tilawah

IMEJ ISLAM DIROSAK OLEH ORANG BERKEPENTINGAN, KATA DR MAHATHIR

MELAKA, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata imej agama Islam telah dirosakkan dan dikolotkan oleh orang berkepentingan yang menonjolkan diri mereka sebagai jaguh dan alim dalam agama itu.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, adalah amat penting bagi umat Islam mengetahui dengan lebih mendalam ajaran Islam yang sebenar supaya mereka dapat menjaga imej agama itu.

Beliau berkata ini kerana imej Islam mudah dirosakkan dan mereka yang menyebabkan imej agama itu kolot terdiri daripada orang yang menonjolkan diri mereka sebagai jaguh dan alim dalam agama Islam.

"Mereka inilah yang merosakkan imej agama Islam," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Tilawah Peringkat Kebangsaan Ke-41 bertemakan Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita di Stadium Kubu di sini malam ini.

"Jika hari ini umat Islam tidak berpengaruh dan selalunya lemah dan ditindas, sebabnya ialah kerana kepercayaan kolot yang sebenarnya bertentangan dengan agama Islam terdapat di kalangan orang Islam," katanya.

"Jika kerajaan berpendapat ajaran Islam perlu diawasi secara rapi, sebabnya ialah kerana ada sahaja orang yang berani memperalatkan agama dan nama Allah untuk kepentingan diri," katanya.

Dr Mahathir berkata baru-baru ini timbul cerita kononnya ada orang tertentu meninggal dunia dan badannya bertukar menjadi khinzir dan ditanam di belakang rumah.

Kepercayaan bahawa cerita itu benar membuktikan betapa ceteknya kefahaman dan pegangan kepada ajaran agama terutama isi kandungan Al Quran di kalangan sesetengah orang Islam, katanya.

Beliau berkata mereka sedikit pun tidak menghiraukan bahawa cerita dan dakwaan yang dibuat itu boleh merosakkan akidah umat Islam.

"Jika mereka begitu tidak takut berbohong dan berdosa, sebabnya tentulah kerana pegangan mereka kepada agama adalah lemah.

"Dan mereka seperti ini kerap berselindung dengan topeng agama kerana mereka tahu penganut agama Islam walaupun cetek pengetahuan agama tetapi begitu kuat berpegang kepada agama sehingga apa sahaja yang dikaitkan dengan agama akan dipercayai oleh mereka," katanya.

Perbuatan golongan seperti itu memberi gambaran kepada orang bukan Islam bahawa agama Islam begitu kolot sekali tetapi mereka yang membawa kehinaan orang bukan Islam kepada agama Islam berpendapat pandangan orang bukan Islam tidak perlu diberi apa-apa penghargaan, katanya.

"Sikap ini amat merugikan agama Islam kerana ia menyekat perkembangan agama Islam dan pengaruhnya," dan "Siapakah yang akan dipengaruhi dengan penganut agama yang dianggap begitu kolot?," tanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata pembacaan dan pendedahan tafsir ayat-ayat Al Quran adalah satu cara yang amat berkesan untuk mengembangkan agama Islam kerana banyak hikmah yang telah didapati hasil daripada penganjuran tilawah Al Quran.

"Dengan berkembangnya pengetahuan agama melalui pengenalan akan isi kandungan Al Quran maka kita akan terpelihara daripada tafsiran-tafsiran dan ajaran karut yang dibuat oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

"Ayat-ayat yang dibaca, diterjemah dan dihuraikan dan ini menolong kita memahami dengan lebih isi kandungan Al Quran...tilawah Al Quran yang kita anjurkan di Malaysia memberi banyak pengajaran kepada kita, dan kita harus bersyukur dengannya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata majlis tilawah sebenarnya merupakan sebahagian

kecil sahaja daripada aktiviti keagamaan yang dipelopori kerajaan, namun ia telah dapat meningkatkan syiar Islam di dalam dan luar negara.

Majlis tilawah peringkat kebangsaan diadakan setiap tahun sejak 1957 manakala peringkat antarabangsa bermula pada 1958.

"Tanpa syak lagi, syiar Islam telah dapat kita kembangkan di kalangan umat Islam dari pelbagai pelusuk dunia melalui tilawah Al Quran. Umat Islam bukan sahaja didedahkan kepada cara pembacaan dan penghafalan yang baik...sedikit sebanyak kita dapat menyatupadukan ummah yang dipisahkan oleh benua dan lautan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata mereka yang berpendapat majlis seperti ini tidak harus diadakan kerana melibatkan bacaan Al Quran dengan berlagu dan kononnya bertentangan dengan kehendak agama, sepatutnya meneliti sejarah kemajuan Al Quran.

Beliau berkata malah pernah sebelum ini ulama berpendapat bahawa Al Quran tidak boleh dicetak dan hanya ditulis tangan.

"Pendapat yang kolot ini ditolak dan Al Quran mula dicetak...ia dapat dimiliki oleh sesiapa sahaja daripada umat Islam, sama ada miskin atau kaya," katanya.

Beliau berkata pada mulanya ayat-ayat Al Quran tidak ditulis dan Rasulullah yang tidak tahu menulis atau membaca itu terpaksa mengingati ayat-ayat ini dan mengulangnya kepada penganut yang hanya beberapa orang sahaja dapat menulis di atas kulit dan daun.

"Mereka yang tidak boleh membaca perlu menghafal dan mengingati ayat-ayat ini. Cara yang mudah memahatkan ayat-ayat ini dalam hati mereka ialah membaca dan mengulangnya dengan berlagu. Ini adalah tabii manusia," katanya.

Kitab Al Quran juga pada mulanya kekurangan kerana ditulis tangan dan cetakannya pernah diharamkan oleh ulama, katanya.

"Oleh kerana bilangan kitab tulisan tangan terhad, sekali lagi untuk memudahkan menghafalkan Al Quran ayat-ayat terpaksa dibaca dengan berlagu.

"Tujuan membaca Al Quran dengan berlagu bukanlah kerana hendak asyik sehingga hilang akal tetapi kerana hendak memudahkan ingatan dan penghafalan ayat-ayat suci, lagipun ayat Al Quran dibaca begitu sahaja tanpa diiringi dengan sebarang alat muzik," katanya.

Beliau berkata pada zaman ini berjuta-juta naskhah Al Quran dicetak, boleh juga didengar melalui alat rakaman bahkan melalui komputer, tetapi ia tidak bermakna tidak harus ada hafiz di kalangan kita.

Majlis tilawah itu akan berlangsung sehingga Sabtu ini dan disertai sebanyak 27 orang qari dan qariah yang mewakili semua negeri kecuali Kelantan yang hanya menghantar seorang qari.

-- BERNAMA

MOZ NO NMO